



TINJAU ... Kamaruzaman meninjau ruang-ruang pameran program UMS.

OLEH MARRYAN RAZAN

PUSAT Luar Universiti Malaysia Sabah (PLUMS) sentiasa bersedia memikul tanggungjawab melatih dan meningkatkan tahap ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam pelbagai bidang kepada seluruh penduduk di Sabah terutama untuk golongan yang sedang bekerja.

PLUMS yang sedang giat mempromosikan program pendidikan sepanjang hayat melalui program akademik Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana secara separuh masa ambilan September 2011 berkongsi maklumat kepada orang awam yang berkelayakan dan berminat dengan menyertai majlis kemuncak Roadshow UMS 2011 di Kota Kinabalu baru-baru ini.

Pameran tersebut merupakan sebahagian daripada aktiviti promosi serta Jelajah Pameran Pendidikan PLUMS tahun ini.

Siri Jelajah Pameran PLUMS 2011 yang sebelum ini dimulakan di Pasar Raya Giant, Tawau pada 5 hingga 6 Mac, disusuli dengan pameran di Dewan Masyarakat Sipitang (10 Mac), Tamu Besar Lawas, Sarawak (12 Mac), Pasar Raya Giant, Sandakan (19 - 20 Mac), Ruang Legar Ujana Kewangan Labuan (26 - 27 Mac) dan Ruang Legar Kompleks Karamunsing, Kota Kinabalu (22-24 Mac).

Ketika merasmikan Majlis Penutupan Pameran Jelajah UMS 2011 baru-baru ini, Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon mengalu-alukan agar orang ramai menggunakan ruang dan peluang roadshow itu untuk mencari jawapan terhadap segala pertanyaan dan persoalan berkaitan peluang-peluang pembelajaran di peringkat tinggi.

"Menyedari hakikat penduduk negeri ini berminat untuk meningkatkan tahap pengetahuan ke peringkat tertinggi, maka UMS berusaha menganjurkan pelbagai aktiviti yang mendekatkan lagi universiti ini dengan masyarakat bagi menyalurkan ilmu pengetahuan dan galakan ke arah membudayakan pembelajaran berterusan dalam kalangan masyarakat di Sabah," katanya.

Dalam setiap pameran yang diadakan, rata-rata pengunjung menyatakan bahawa pameran itu amat bermanfaat kepada mereka untuk memperolehi pelbagai maklumat terkini mengenai program yang ditawarkan oleh PLUMS.


"Dengan adanya pameran bergerak terutamanya ke luar daerah Kota Kinabalu, kami tidak perlu bersusah-payah datang atau menghubungi pejabat di Kota Kinabalu untuk bertanya."

"Melalui pameran yang diadakan, kami dapat berinteraksi secara langsung dengan pihak pengurusan PLUMS untuk meninjau peluang-peluang pengajian yang bersesuaian," kata seorang pengunjung yang ditemui.

Sempena pameran tiga hari itu, para pengunjung berkesempatan mendapat penerangan tentang peluang-peluang pengajian yang ditawarkan di UMS, kos pengajian dan kehidupan kampus.

Semua sekolah, pusat dan institut di UMS mengambil bahagian dalam pameran dengan menyediakan brosur dan sumber maklumat pandang dengar untuk keperluan pengunjung.

Sementara itu, Eksekutif Kanan Pemasaran



BERUCAP ... Kamaruzaman ketika berucap merasmikan Majlis Penutupan.



PENUH PERHATIAN ... Sebahagian daripada pengunjung memberi perhatian penuh terhadap penerangan program pengajian di UMS.

Jelajah pameran PLUMS beri manfaat kepada golongan sudah bekerja



SEBAHAGIAN pelajar yang menghadiri Pameran Program Pengajian UMS di Palm Square Centre Point.

dan Promosi, UMS Link Holdings Sdn. Bhd. (ULink), Nerwani Shereen Halik berkata, pihak ULink, sebagai sebuah syarikat milik penuh UMS yang bertanggungjawab mempromosikan program pendidikan sepanjang hayat, telah merangka pelbagai aktiviti bagi mempromosikan program Sarjana dan Sarjana Muda yang ditawarkan oleh PLUMS.

"Antaranya taklimat pendidikan yang diadakan di jabatan-jabatan kerajaan dan swasta, siri jelajah pendidikan ke seluruh Sabah serta penyertaan dalam pelbagai pameran pendidikan dalam dan luar negara bagi memberikan penerangan lebih lanjut mengenai peluang-peluang pembelajaran khusus untuk golongan yang sedang bekerja," katanya.

Menurut Shereen, pihak ULink amat gemira dengan respons yang diterima daripada golongan profesional yang berminat untuk melanjutkan pelajaran di PLUMS setelah mereka mendapat bantuan kos pengajian yang dikenakan adalah berpututan, tenaga pengajar yang berpengalaman serta kemudahan lengkap yang disediakan oleh pihak universiti.

Katanya lagi, para pengunjung yang berminal menyedari mereka harus merebut peluang melanjutkan pelajaran di PLUMS kerana ia adalah peluang bagi mereka meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan bagi menambah nilai kebolehan sendiri di samping meningkatkan daya saing di tempat kerja.

Shereen berharap, para majikan dapat memberi sokongan kepada kakitangan mereka yang berpotensi untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi kerana prestasi cemerlang sesebuah jabatan atau syarikat adalah bergantung sepenuhnya kepada tahap kecekapan sumber manusia.

"Antara program Sarjana yang paling mendapat sambutan ialah program Sarjana Pengurusan Modal Manusia dan Sarjana Psikologi."

"Kedua-dua bidang itu mendapat permintaan yang sangat menggalakkan didorong oleh permintaan tinggi terhadap tenaga kerja terlatih di dalam bidang tersebut," katanya.

Selain itu PLUMS juga menawarkan program bidang lain termasuk Komputer dalam

Pendidikan, Fizikal dan Kesihatan, TESL, Pengurusan Pendidikan, Sains, Kurikulum dan Pengajaran, Pentadbiran Perniagaan (MBA), Pengurusan Sumber Manusia, dan Diploma Pengajian Islam.

Manakala bagi program prasiswazah, PLUMS menawarkan bidang pengajian Psikologi Industri dan Organisasi, Psikologi Kaunseling, Komunikasi, Sejarah, Kejuruteraan Perisian, Sains Sekitaran, Pemasaran Antarabangsa dan Kewangan Islam.

Untuk menarik minat ramai, Unit Pemasaran ULink menawarkan pelbagai hadiah kepada pemohon yang menghantar borang tarikh yang ditetapkan serta berjaya menjadi pelajar PLUMS.

Antaranya ialah Apple Ipad dan pelbagai hadiah menarik lain. Hadiah-hadiah tersebut akan disampaikan melalui cabutan bertuah di mana penerima ditentukan pada hari pendaftaran pelajar kelak.

Bagi mengetahui lebih lanjut mengenai program-program secara separuh masa di PLUMS, calon-calon yang berkelayakan dan berminal boleh menghubungi Unit Pemasaran dan Promosi ULink di talian 088-487311 atau layar laman web <http://plums.ums.edu.my>.

PLUMS juga mempunyai beberapa cawangan di seluruh negeri iaitu di Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Labuan yang sentiasa memberikan sebarang maklumat yang diperlukan.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan melalui email di marketing@umslink.com.my.



EKSEKUTIF Kanan Pemasaran dan Promosi, Nerwani Shereen